

Headline	Pengundi pertimbang tawaran		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 May 2013	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	Mahkamah	Color	Full Color
Page No	6	ArticleSize	293 cm ²
AdValue	RM 1,612	PR Value	RM 4,835



Pengundi pertimbang tawaran

'Apa saya dapat' penentu parti mana jadi pilihan terutama pengundi atas pagar

NURKHAIRINI JUMARI

SHAH ALAM – 'Apa saya akan dapat daripada manifesto yang ditawarkan?'

Persoalan tersebut akan menjadi penentu parti mana yang menjadi pilihan terutamanya bagi pengundi atas pakar, golongan muda dan yang tinggal di kawasan bandar di Selangor, kata penganalisis politik dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Mohd Azizuddin Mohd Sani.

Mohd Azizuddin berkata, pengundi akan buat pertimbangan insentif dan tawaran manifesto yang bakal mereka nikmati secara personal terlebih dahulu bagi menentukan parti manakah yang akan diundi.

Menurutnya, parti yang menawarkan insentif manifesto yang memberi faedah dan meringankan beban hidup pengundi secara personal akan menjadi pilihan memandangkan tawaran manifesto Barisan Nasional (BN) Selangor dan Pakatan Rakyat (PR) Selangor kali ini tidak jauh berbeza.

"Jika dilihat dari segi sosioekonomi, kedua-dua pihak menawarkan insentif berlainan, tetapi secara keseluruhan tidak banyak perbezaan dan banyak

pengulangan janji.

"Inti pati tawaran dan pelaksanaan dasar dilihat berbeza, namun kedua-duanya mencerminkan kehendak dan kemahuan rakyat Selangor," katanya.

Menurutnya, tawaran manifesto kedua-dua parti hampir sama dari segi sosioekonomi sebagai contoh PR Selangor antaranya meneruskan program Skim Mesra Usia Emas, memberi wang hadiah hari jadi bernilai RM100 pada hari lahir yang ke-60 manakala BN Selangor antaranya menjanjikan pemberian bantuan sara hidup minimum RM250 kepada ibu tunggal, warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan rakyat miskin yang layak dan banyak lagi.

"Begitu juga isu perumahan untuk warga Selangor di mana kedua-dua pihak turut menjanjikan tawaran terbaik untuk rakyat menilai.

"Jika kali ini PR Selangor masih meneruskan pemberian air percuma 20m³, tetapi kini ia turut terdapat dalam akujanji BN di mana ada sedikit penambahan," katanya.

Dalam pengumuman akujanji BN Selangor, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak turut berikrar untuk menyediakan 25,000 unit Rumah Mesra Rakyat dan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) bernilai RM50,000 seunit, 15,000 unit rumah berkeluasan minimum 850 kaki persegi untuk mereka yang berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan dengan harga RM80,000 seunit serta Skim Perumahan Patriot Sayangi Selangor pula disediakan untuk bekas polis, tentera dan penjawat awam atau agensi kerajaan negeri.

"Manakala PR Selangor berjanji akan memperuntukkan RM100 juta kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPSH) bertujuan merangka dasar perumahan secara menyeluruh khususnya bagi menyediakan rumah mampu milik bermutu serta menguruskan projek perumahan lain yang mengutamakan tahap kemampuan rakyat untuk membeli.

Menurut Mohd Azizudin, perbezaan manifesto PR dan akujanji BN yang ketara adalah

dari segi politik reformasi.

"PR Selangor pula membuat pembaharuan politik dengan melaksanakan dasar menurunkan kuasa secara berperingkat menerusi pelaksanaan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dan mempertingkatkan peranan Mesyuarat Kerajaan Negeri melalui pelbagai cara termasuk Pindaan Akta Perkhidmatan Dewan Negeri Selangor.

"Manakala BN berjanji menaik taraf dan menambah bilangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) daripada 12 kepada 14 PBT baru iaitu penambahan Majlis Perbandaran Bangi dan Majlis Perbandaran Kota Raja (Klang Selatan) di mana bertujuan menambah baik pentadbiran Kerajaan Tempatan," katanya.



MOHD AZIZUDDIN